

SOALAN NO. 51**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN****DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN****TARIKH : 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)****SOALAN :****Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI****PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan:-

- (a) Berapakah jumlah Penerima Bantuan Orang Tuan(BOT) mengikut negeri; dan
- (b) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji kadar bantuan tersebut supaya dapat meringankan beban hidup warga tua.

109

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian prihatin akan cabaran hidup golongan warga emas terutama yang tinggal sebatang kara atau tinggal bersama keluarga yang tidak berkemampuan. Kerajaan mewujudkan Bantuan Orang Tua (BOT) kepada warga emas berumur 60 tahun ke atas yang tiada mata pencarian tertentu untuk menyara hidup dan mempunyai keluarga tetapi keluarga tidak berkemampuan untuk menyara hidup mereka. Sehingga Ogos 2017, jumlah penerima BOT mengikut negeri seperti berikut:

Bil	Etnik	BANTUAN ORANG TUA	
		Bil Kes	RM
1	PERAK	7,434	20,086,800
2	KEDAH	6,191	16,904,739
3	KELANTAN	9,307	24,945,000
4	MELAKA	7,444	20,794,200
5	NEGERI SEMBILAN	8,836	24,198,876

Bil	Etnik	BANTUAN ORANG TUA	
		Bil Kes	RM
6	PAHANG	8,497	23,044,200
7	PERLIS	1,208	3,222,900
8	PULAU PINANG	5,358	14,784,000
9	SELANGOR	10,429	28,422,250
10	LABUAN	205	402,410
11	KUALA LUMPUR	2,668	7,010,400
12	JOHOR	13,553	36,198,350
13	TERENGGANU	4,085	11,139,425
14	SABAH	27,144	70,902,300
15	SARAWAK	22,430	58,602,450
	Jumlah	134,789	360,815,389

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan kadar BOT yang diberikan sentiasa relevan dengan keperluan semasa, Kementerian telah mengkaji keperluan kenaikan kadar ini sebanyak 6 kali bermula tahun 1994 dengan kadar RM70 sehingga naik kepada RM300 pada tahun 2008. Berdasarkan keperluan semasa warga emas, Kementerian telah mengadakan kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan Kajian Keberkesanan Bantuan JKM dan

objektif kajian tersebut termasuk mendapatkan maklumbalas responden dalam kalangan penerima bantuan berkaitan keperluan kenaikan kadar. Walaubagaimanapun, kenaikan kadar ini perlu dirujuk kepada Kementerian Kewangan bagi melihat implikasi kewangan memandangkan negara kita akan menuju Negara Tua menjelang tahun 2030. Data Unjuran penduduk dan warga emas bagi tahun 2030 sebanyak 5,818.40 (15.30% daripada jumlah penduduk Negara) daripada Sumber Jabatan Perangkaan Malaysia. Peningkatan jumlah penduduk tua akan memberi kesan kepada peruntukan bantuan.